

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".
- Surah Ibrahim, ayat 7

PELUANG ORANG RAMAI BERWAKAF MUSHAF

WAKTU SEMBAHYANG | IMAK 4.41 | SUBUH 4.51 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.11 | ASAR 3.33 | MAGHRIB 6.06 | ISYAK 7.20

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 145

3 DISEMBER 2022 / 1444 جمادى الأولى 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 November. - Berkat sambutan daripada orang ramai dalam menjayakan program Wakaf Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali (**UNISSA**) yang dibukakan sejak 16 Februari 2022, Wakaf Mushaf UNISSA mula diagihkan di luar negara selain diagihkan ke masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, sekolah arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah rendah dan menengah serta para saudara baru dalam negara.

Mushaf UNISSA yang ditulis oleh anak tempatan berkenaan mula diagihkan kepada komuniti muslim melalui beberapa buah masjid dan Madrasah di Ho Chi Minh, wilayah Tay Ninh dan An Giang di Viet Nam antaranya Masjid Al-Rahim, Masjid Jamiul Islamiyah, Madrasah Al-Nur, Masjid Jamiul Muslimin, Masjid Musulmane, Masjid Wilayah Tay Ninh, Surau Mubarakiyah, Madrasah Tahfiz Azhar, Masjid Mukarrohmah dan Surau Azhariyah.

Pengagihan Wakaf Mushaf berkenaan dilartkan lagi ke

Phnom Penh, Kemboja dan pihak UNISSA berkesempatan menyerahkannya kepada Setiausaha Negara, Kementerian Pendidikan, Belia dan Sukan, Kemboja, Yang Berbahagia Tuan Nos Sles.

Wakaf Mushaf UNISSA berkenaan juga diserahkan kepada beberapa Madrasah di sekitar Phnom Penh, Kemboja antaranya Madrasah An-Nikmah, Madrasah Islam Dubai dan Cambodian Islamic Centre.

UNISSA memulakan projek Wakaf Mushaf UNISSA bagi orang ramai pada 16 Februari yang lalu dan bagi memudahkan orang ramai, pihak UNISSA menyediakan pautan khas untuk memudahkan mereka mendaftar menggunakan 'e-form' dan membuat pembayaran secara dalam talian.

Pada fasa pertama berkenaan, UNISSA memperuntukkan sejumlah 20 ribu naskhah mushaf UNISSA untuk projek wakaf berkenaan dengan menyasarkan institusi masjid, surau, balai ibadat, institusi pendidikan, para saudara baru dan institusi atau organisasi luar negara sebagai penerima

wakaf.

Setakat ini, UNISSA menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dan sebanyak 5,601 naskhah mushaf UNISSA ditempah oleh orang ramai untuk diwakafkan.

Projek berkenaan merupakan projek yang berterusan dan ia masih lagi dibukakan kepada orang ramai.

Manakala, bagi Wakaf Mushaf UNISSA keluar negara, UNISSA akan mengagihkan secara berperingkat ke tempat yang dipilih oleh Jawatankuasa Wakaf UNISSA mengikut tempahan orang ramai.

Setakat ini, Wakaf Mushaf UNISSA diagihkan ke sekolah agama dan tahfiz serta masjid-masjid di Malaysia dan Malang, Indonesia.

Objektif wakaf berkenaan dilaksanakan adalah untuk membuka ruang orang ramai yang ingin berwakaf mushaf ke tempat-tempat yang memerlukan di dalam dan luar negara.

Selain projek wakaf, UNISSA juga membukakan kepada orang ramai yang ingin memiliki mushaf berkenaan dengan harga jualan sejumlah BND20 senaskhah dan

mushaf berkenaan boleh didapati di Unit Penerbitan Mushaf UNISSA serta di Kedai Buku UNISSA Press.

Projek berkenaan diharapkan mendapat keberkatan dan

memudahkan orang ramai untuk menunaikan ibadah wakaf bagi meraih pahala yang berlipat ganda serta mushaf berkenaan akan dapat dimanfaatkan sebaiknya.



WAKAF Mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mula diagihkan di luar negara, selain diagihkan ke masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, sekolah arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah rendah dan menengah serta para saudara baru dalam negara.